

BAHAGIAN A

Soalan A1 (10 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang paling sesuai pada setiap perkataan. Tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

Pantun ialah kaedah rangkapan yang tertua dan memang kepunyaan asal orang Melayu. Pantun adalah **(1) cipta** asli orang Melayu. Pantun merupakan salah satu puisi Melayu lama yang masih **(2) rasa** dan dilihat kewujudannya sehingga hari ini. Era modenisasi dan globalisasi bukanlah alasan untuk **(3) robah** jiwa dan perasaan masyarakat Melayu terhadap seni berpantun. Pantun memang menakjubkan dan **(4) kagum** dalam dunia masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu berjaya menghasilkan pantun yang mencerminkan **(5) adab** kehidupan masyarakat Melayu. Pantun juga menayangkan pandangan mata masyarakat yang kreatif , kritis dan tinggi daya fikirannya.

Soalan A2 (5 markah)

Arahan: Pilih peribahasa yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi tiap-tiap keterangan yang bergaris bawah dalam teks yang berikut. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

- (A) garam jatuh ke air
- (B) belayar sampai ke pulau
- (C) biduk lalu kiambang bertaut
- (D) tukang tidak membuang kayu
- (E) baik membawa resmi ayam betina
- (F) ditatang bagai minyak yang penuh
- (G) jauhari juga yang mengenali manikam
- (H) seperti harimau menyembunyikan kukunya
- (I) belakang parang jika diasah nescaya tajam
- (J) jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh mendapatkan sagunya

Sebagai ketua kelas, Aqmal merupakan seorang pelajar yang disenangi ramai. Guru-guru menyifatkannya sebagai seorang pelajar yang **(6) mudah menerima teguran dan nasihat**. Walaupun berasal dari keluarga yang susah, Aqmal percaya **(7) usaha yang gigih pasti mendatangkan kejayaan**. Dia sering memaparkan sikap rajin di dalam kelas dan **(8) sangat disayangi** oleh guru-gurunya. Guru-guru yang mengajar Aqmal juga perhatikan bahawa Aqmal murid yang **(9) bijak namun sering menyembunyikan pengetahuan dan kebolehannya**. Sebagai ketua kelas Aqmal dia selalu memastikan projek kelas akan **(10) dilaksanakan dengan sempurna**. Dia juga tidak pernah abaikan tanggungjawabnya sebagai ketua kelas

Soalan A3 (5 markah)

Arahan: Pilih sepatah perkataan yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan bagi mengisi tempat kosong dalam teks yang berikut. Kemudian, tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

dari	daripada	dikongsi
elok	menghantar	padan
senang	sukar	

Dalam dunia tanpa sempadan yang dirangkaikan oleh internet, satu daripada cara komunikasi yang paling efektif adalah dengan melalui e-mel. E-mel sesuai digunakan apabila seseorang **(11)** _____ dihubungi melalui saluran lain seperti telefon. Saluran e-mel juga sesuai seandainya maklumat yang **(12)** _____ tidak sensitif. Malah cara ini amat praktikal jika seseorang ingin **(13)** _____ banyak maklumat dengan cara yang pantas. Selain **(14)** _____ itu, e-mel tidak sesuai digunakan jika emosi si pengirim sedang berkecauk. Berita yang tidak menggembirakan lebih **(15)** _____ disampaikan secara bersemuka. Hakikat yang perlu disedari ialah e-mel bukanlah tempat untuk meluahkan perasaan atau ruang untuk mendedahkan segala maklumat peribadi..

BAHAGIAN B

Arahan: Baca dan teliti petikan-petikan yang berikut.

Petikan 1

Butik atau kedai kain?

Pakaian merupakan keperluan asas bagi manusia. Pakaian bukan sahaja menutup badan manusia, malah memenuhi keperluan budaya dan sosial. Dari zaman ke zaman, pakaian manusia telah berubah dari segi bentuk, bahan, warna dan tekstil. Perubahan tersebut adalah berdasarkan trend semasa. Dalam proses pemodenan, pakaian tradisional selalunya diganti dengan pakaian baharu atau moden. Pakaian baharu sentiasa diperkenalkan dalam pasaran dari semasa ke semasa untuk menarik perhatian semua pengguna, termasuk lelaki, perempuan dan kanak-kanak.

Pakaian Blazer

Pakaian jenis blazer amat luas digunakan dewasa ini oleh kakitangan awam, swasta dan juga pelajar. Pakaian blazer sudah menjadi popular sejak tahun 1960-an khususnya dalam kalangan lelaki. Mulai tahun 1980-an menjadi pakaian konvensional bagi anggota institusi, kakitangan awam dan swasta. Selalunya blazer dipakai dalam majlis rasmi anjuran badan berkeajaan.

Jaket

Jaket merupakan sejenis kot pendek berlengan dan terbuka di hadapan. Kini, terdapat berbagai-bagai jaket yang digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat Melayu, termasuk orang dewasa dan kanak-kanak untuk tujuan tertentu. Kebanyakan orang menggunakan jaket untuk menahan sejuk. Ada yang menggunakannya sebagai fesyen. Kata jaket berasal daripada kata Perancis, *jaquet* yang bermaksud kot pendek yang berlengan. Kata ini menjadi *jacket* dalam bahasa Inggeris dan kemudian dipinjam ke dalam bahasa Melayu dengan sedikit perubahan ejaan untuk menjadi jaket.

Jeans

Salah satu jenis seluar yang cukup terkenal dan diminati oleh muda-mudi hari ini ialah seluar jeans. Memakai seluar jean memang menjadi trend dalam kalangan anak muda, malah orang dewasa pun, termasuk lelaki dan wanita. Seluar panjang ini diperbuat daripada kain tebal dan didapati tahan lasak. Lazimnya, pakaian ini dipakai sebagai pakaian kasual, iaitu untuk majlis yang tidak formal, seperti waktu membeli-belah, bersiar-siar, atau **menziarahi** kawan atau rakan. Seperti yang sedia maklum, seluar jean bukanlah jenis pakaian orang Melayu.

Arahan: Berdasarkan petikan di halaman 5, jawab soalan-soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

- 16** Pakaian baharu selalu dicipta dengan tujuan untuk _____.
- (A) memenuhi keperluan budaya dan sosial
 - (B) mengubah bentuk, bahan, warna dan tekstilnya
 - (C) menggantikan pakaian tradisional dengan pakaian moden
 - (D) menarik perhatian semua pengguna, termasuk lelaki, perempuan dan kanak-kanak
- 17** Berdasarkan perenggan keempat, kita dapat membuat kesimpulan bahawa _____.
- (A) seluar jeans tidak digemari warga emas
 - (B) seluar jeans tidak mudah untuk dihasilkan
 - (C) seluar jeans diterima dengan lapang dada oleh orang Melayu
 - (D) seluar jeans memiliki kualiti yang tidak boleh tahan begitu lama
- 18** Perkataan '**menziarahi**' dalam petikan bermaksud _____ .
- (A) merisik
 - (B) melawat
 - (C) merawat
 - (D) mengunjungi

Petikan 2

Warung Wak Hassan

Menyediakan menu tradisional untuk sambutan Hari Raya Aidilfitri

Blok 99, Geylang Avenue 5
#02-33 dan #02-257
Singapura(52099)

Hidangan Hari Raya Aidilfitri merupakan hidangan yang diharapkan para tetamu. Antara menu yang sering menjadi pilihan utama tuan rumah termasuklah makanan tradisional Melayu.

Lemang

Lemang ialah sejenis makanan tradisi yang digemari orang ramai tanpa mengira kaum. Lemang telah direkodkan sebagai hidangan istimewa sejak tahun 1864. Makanan ini diperbuat daripada beras pulut dan santan yang dibakar di dalam buluh dengan daun pisang.



Rendang

Rendang merupakan lauk yang paling terkenal. Rendang dimakan bersama-sama ketupat. Masakan ini disediakan dengan santan, lada, bawang, daun kunyit, daun limau purut dan kerisik. Rendang juga menjadi menu utama untuk majlis perkahwinan.



Bahulu

Bahulu ialah sejenis makanan tradisional orang Melayu. Pada kebiasaannya, kuih ini sangat terkenal terutamanya pada hari raya dan hari keramaian. Terdapat tiga jenis kuih bahulu iaitu bahulu kecil, bahulu lapis dan bahulu gulung.



RAHSIA MASAKAN WAK HASAN

- Rendang Wak Hasan dianggap sebagai makanan istimewa kerana dahulunya makanan ini hanya dihidangkan di Istana untuk santapan presiden Singapura.
- Bahulu lapis dan bahulu gulung agak sukar didapati di pasar raya kerana perlu ditempah daripada pembuat kuih tradisional Warung Wak Hasan.
- Warung Wak Hasan juga menyediakan dodol yang tiada kerak dan tidak hangit baunya. Ia dikacau lebih kurang 4 jam untuk mendapatkan hasil yang baik.

Wak Hassan Samri
Tukang masak Warung Wak Hassan sejak tahun 1980.
HP: 90877897

Bayaran sejumlah \$20 dikehendaki bagi setiap penghantaran makanan ke rumah pada musim perayaan. Tiada bayaran penghantaran dikenakan bagi pesanan makanan yang melebihi daripada \$300.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 7, jawab soalan-soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

- 19** Iklan tersebut menunjukkan bahawa Warung Wak Hassan ingin pelanggan yang menempah masakannya pada Hari Raya mengutamakan _____.
- (A) menu tradisional
 - (B) sambutan Hari Raya
 - (C) bayaran penghantaran
 - (D) rahsia masakan Wak Hasan
- 20** Pelanggan-pelanggan Warung Wak Hasan boleh memanfaatkan penghantaran makanan secara percuma. Mereka boleh memanfaatkan peluang tersebut dengan _____.
- (A) mengunjungi Warung Wak Hasan
 - (B) mengacau dodol lebih kurang 4 jam
 - (C) menghubungi Wak Hasan di talian 90877897
 - (D) memesan makanan yang melebihi daripada \$300

BAHAGIAN C (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Asyik mengunyah buah epal sambil menonton berita semasa di peti televisyen, mata aku terbeliak apabila pembaca berita melaporkan pengusaha restoran ternama itu telah ditahan pihak berkuasa. Pengusaha tersebut dikehendaki dalam siasatan kes keracunan makanan yang berlaku di daerah tempat tinggal aku.

Pengusaha restoran tersebut dipercayai mengambil sumber air daripada longkang yang berdekatan. Teruk betuk perangai pengusaha restoran ternama itu jika segala yang dilaporkan ternyata benar. Patutlah hanya restoran yang ternama itu sahaja yang menyajikan makanan dan minuman pada hari kejadian sedangkan semua kedai lain di daerah tempat tinggal aku keputusan bekalan air. Menurut pembaca berita yang berselendang berlilit-lilit itu lagi, beberapa orang yang mengalami keracunan makanan telah dihantar ke hospital dan semuanya telah ke restoran ternama itu beberapa hari yang lalu. 5 10

Aku hampir tercekik apabila pembaca berita itu menyebut nama kawan aku sebagai salah seorang pesakit yang sedang diberi rawatan di hospital. Kasihan Iqbal, **terlantar** sakit di hospital. Bertambah kasihan apabila Iqbal menyatakan bahawa aku sahaja yang datang untuk bertanya khabar tentang dirinya. Aku mengenalinya sejak kecil lagi dan hidupnya sebatang kara. 15

Aku memotong buah epal untuk Iqbal apabila berbual dengannya di bilik hospital. Kebetulan aku terlebih membeli buah epal ketika di pasar raya petang semalam. Jadi, aku kongsi rezeki bersamanya agar tidak membazir. 20

“Terima kasih Salman kerana mengambil berat tentang diri aku. Tiada orang yang melayan aku seperti layanan yang engkau berikan kepadaku. Aku bersyukur untuk bertemu engkau sebagai sahabat sejak kecil. Hanya engkau sahaja yang sudi menerima aku sebagai seorang sahabat,” Iqbal berkata sambil mengesat titisan air mata yang mengalir di pipinya. 25

“Usahlah engkau menangis. Bukankah persahabatan kita atas dasar keikhlasan,” aku menjawab dan menghulurkan buah epal kepada Iqbal.

“Indah sungguh perkongsian ini. Buah epal ini pun berasa bertambah lazat dan aku berasa rasa sakit aku kian berkurang,” Iqbal mengambil epal yang aku hulurkan dan mengunyah epal tersebut dengan pantas. Doktor memberitahu bahawa Iqbal boleh keluar daripada hospital esok memandangkan keadaan kesihatannya bertambah baik. Perangai Iqbal pelik aku perhatikan. Setelah doktor memeriksa kesihatannya, Iqbal sempat menyatakan kepada doktor bahawa dia ingin menjadikan pesakit di wad kanak-kanak di hospital itu sebagai anak angkatnya. Iqbal juga menambah bahawa dia mahu berkongsi rezeki yang dia ada dengan menaja perpustakaan mini untuk wad kanak-kanak di situ. Aku hampir menitikkan air mata apabila **mengenangkan** betapa mulia hati Iqbal. Belum sempat air mata menitis, Iqbal menepuk bahuku. 30 35

40

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 9, jawab soalan-soalan yang berikut. Seberapa yang boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

- 21** Mengapakah mata Salman terbeliak apabila menonton televisyen? (3 markah)
- 22** Apakah bukti yang menunjukkan pengusaha restoran ternama tidak bersikap jujur melaksanakan perniagaannya? (3 markah)
- 23** Nyatakan dua bukti yang mempengaruhi pihak berkuasa untuk menyiasat pengusaha restoran ternama tersebut. (5 markah)
- 24** Berikan dua bukti yang menunjukkan Salman seorang kawan yang penyayang. (5 markah)
- 25** Salman ikhlas menjadi sahabat Iqbal. Buktikan ketepatan pernyataan ini dengan memberikan dua contoh daripada teks. (5 markah)
- 26** Nyatakan dua perkara yang membuat Salman mengaggap perangai Iqbal semakin pelik. (5 markah)

Arahan: Terangkan maksud perkataan berikut berdasarkan penggunaannya dalam petikan.

- 27** terlantar (baris 16) (2 markah)
- 28** mengenangkan (baris 38) (2 markah)

Selesai